

30/06/1997

Megat Junid arah syarikat uji ubat

Jami'ah Shukri

KAMPAR, Ahad - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengarahkan semua pengeluar ubat-ubatan membeli produk keluaran syarikat mereka di kedai kawasan luar bandar, termasuk Felda untuk diuji keasliannya.

Menterinya, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata pihaknya mahu pengeluar terbabit menguji produk keluaran mereka di makmal untuk menentukan sama ubat-ubatan yang dijual itu asli atau tiruan.

Menurutnya, pihaknya percaya kerja pengujian itu boleh dilakukan segera sebelum sambutan Hari Pengguna Peringkat Kebangsaan pada 28 Ogos ini supaya hasilnya dapat dipamerkan.

"Saya percaya kerja berkenaan boleh dilakukan dalam tempoh seminggu saja. Kementerian akan mengambil tindakan terhadap pengeluar dan penjual yang menjual ubat tiruan itu.

"Oleh itu, pengeluar ubat-ubatan itu perlu pergi ke kawasan di luar bandar untuk membeli dan memeriksa produk yang dijual," katanya selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Kampar, di sini, hari ini.

Megat Junid berkata, pihaknya sudah mengadakan pertemuan dengan semua pengeluar ubat bagi membincangkan penjualan ubat tiruan yang berleluasa sejak kebelakangan ini.

Beliau berkata, kementerian juga meminta semua pengeluar barangan pengguna supaya menyediakan poster mengenai ubat-ubatan yang tulen dan tiruan di tempat tumpuan awam supaya orang ramai dapat mengetahui mengenainya.

Katanya, sehingga ini, kira-kira 11,000 ubat-ubatan didaftarkan dan daripada jumlah itu antara 10 hingga 15 jenis ubat jenama popular sering ditiru dan dijual secara berleluasa di pasaran.

"Malah, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam mesyuarat Kabinet juga menyedari masalah penjualan ubat-ubatan tiruan sudah berlaku sejak 30 tahun lalu dan meminta perkara itu diberikan perhatian serius.

"Kita tidak mahu masyarakat terutama orang kampung yang tidak mahir mengenai kandungan ubat-ubatan itu terbeli yang tiruan kerana ia bukan sahaja merugikan tetapi boleh memudaratkan kesihatan," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan ada sesetengah pengeluar ubat tiruan mempunyai tenaga kerja yang pakar dan peralatan canggih bagi mengeluarkan ubat tiruan itu.

Selain itu, sempena Hari Pengguna Peringkat Kebangsaan yang akan dirasmikan Oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 28 Ogos ini, semua pengeluar ubat-ubatan di negara ini akan mempamerkan pelbagai jenis ubat tiruan dan asli.

(END)